Kepada Anggota-anggota Ikhwan....

Mari Kita Berpuasa

Lebih kurang sebulan lagi dari sekarang ini insya-Allah, kita akan menemui bulan Ramadhan *al-Mubārak*, yang di dalamnya difardukan puasa bagi orang-orang yang diwajibkan. Iaitu mereka yang boleh melakukannya dengan tidak ada keuzuran yang dibenarkan oleh hukum Allah dan rasul-Nya Muhammad (SAW).

Puasa saudara-saudara anggota Ikhwan, sekali imbas terpandang oleh kita masa itu kita akan dilatih berlapar sepanjang hari, dan dianjurkan kita membanyakkan ibadah serta dianjurkan kita pada masa itu melebihkan sedekah jariah untuk membantu orang-orang yang fakir dan membuat ihsan kepada sesama manusia.

Pada tiap-tiap benda yang kita makan pada saat berbuka puasa pada tiap-tiap hari itu, kita rasa sedap dan nikmat, kerana kita merasanya sesudah sangat lapar semenjak daripada sebelum terbit fajar sehingga terbenam matahari. Pada saat kita mengicip barang yang sedap itu ingatlah hendaknya barang sejenak bahawa begitulah keadaan saudara-saudara kita, jiran-jiran kita, walaupun bukan umat Islam, yang hidupnya menderita apabila berjumpa sesuatu nikmat setelah menanggung lapar – lapar bukannya sehari, bukannya hanya lebih kurang 14 jam tetapi lapar yang berturut-turut – lapar yang tidak putus-putus dari satu ke satu masa – bukannya sahaja dirinya tetapi juga harus isterinya, anaknya dan seumpamanya.

Apabila saudara bermenung sejenak maka tak dapat tiada, jika menungan yang sejenak itu ikhlas dan didorong oleh keinsafan, maka sudah tentu saudara akan berasa sukar menelan nikmat itu apabila saudara teringat ada manusia di sisi saudara, ada jiran saudara walau apa agamanya sekalipun, yang menderita lapar yang saudara bertanggungjawab kepadanya.

Keinsafan inilah nanti akan membawa saudara menjadi orang yang pemurah, menjadi orang yang akan bersedia dari satu ke satu masa memberi masa, memberi tenaga, memberi harta guna membantu sesama manusia yang menderita, membantu meringankan beban dan tanggungan saudara-saudaranya kaum muslimin khususnya yang sedang menderita. Yang demikian saudara jalankan bukannya kerana mencari nama atau kemegahan tetapi terbitnya dari keinsafan, insaf akan tanggungjawab, insaf yang tidak berharap kepada sesuatu balasan tetapi insaf yang berharap hanya kepada keredhaan Tuhan yang menjadikan saudara, yang daripadanya kita datang dan kepadanya akan kembali – membawa amal jariah kita sementara kita hidup di dunia ini – di dunia yang fana yang tidak akan kita bawa selain amal jariah kita, kebaikan kita dan kejahatan kita dengan balasan-balasannya akan kita tanggung sendiri – tangan menjinjing bahu memikul.

Segala perbuatan yang ikhlas, segala amal jariah saudara, segala harta-benda saudara yang saudara korbankan untuk beramal kepada jalan yang diredhai Tuhan – tidak akan Tuhan sesiakan bahkan segala-galanya itu, segala yang saudara gunakan dan berikan kepada jalan Allah itu nescaya akan menjadi baja – akan menjadi penyubur kepada usaha saudara kerana saudara dapat melihat bahawa orang yang murah tangannya kepada jalan Allah, kepada jalan Tuhan. Akan dilimpahkan-Nya dengan kemurahan-Nya, akan dikemukakan-Nya di hadapan umat kerana usaha saudara seperti itu adalah usaha yang menolong kepada jalan Allah sedang Allah berjanji barangsiapa menolong Allah, Allah akan menolong dan mengemukakan mereka itu.

Kerana itu saudara-saudara anggota Ikhwan, jadikanlah bulan Ramadhan itu bulan melatih diri kepada keinsafan dan apabila insaf berusahalah kita mengamalkannya, beramal menyampaikannya dengan tenaga dan harta. Kalau saudara tidak berharta, tidak ada apa-apa yang hendak diberikan, maka berilah tenaga, berusahalah berikhtiar untuk mereka itu. Jika tidak dapat berikhtiar hiburkan mereka itu supaya kurang penderitaannya kerana setengah-setengah orang yang papa itu terkadang-kadang menjadi kafir (kufur) sebab kadang-kadang kerana kemelaratan hidupnya lalu menemplak kepada Tuhan, menyalahkan Tuhan kerana penderitaannya dan terkadang-kadang tidak kuasa mahu hidup lagi padahal segala penderitaan itu adalah sebagai percubaan hidup: Adakah kita sebenarnya beriman kepada Allah atau hanya kita beriman di mulut sahaja; dan terkadang-kadang orang-orang yang senang itu pula dicuba imannya adakah ia bersyukur kepada nikmat Allah lalu berbuat bakti kepada jalan Allah atau menjadi kafir (kufur) kepada nikmatnya dengan lupa akan tanggungjawabnya kepada Allah, lupa daratan lalu membawa nikmat yang diberi Tuhan kepada jalan *'āṣī*, jalan yang dimurkai Tuhan, sehingga matinya nanti dalam maksiat. Mudah-mudahan kita saudara-saudara Ikhwan terjauh dari cubaan-cubaan itu dan dapat kita beriman kepadanya, dapat kita terlepas daripada cubaan-cubaan Tuhan dalam mengukur keimanan kita – amin

* * *

Saudara-saudara anggota Ikhwan sebagaimana kami pesan pada tahun yang lalu, kami berharap benar kepada tiap-tiap saudara-saudara anggota Ikhwan menjaga diri khususnya di dalam bulan Ramadhan ini.

Jika saudara di dalam uzur tidak dapat berpuasa, maka janganlah hendaknya saudara-saudara makan di luar rumah di hadapan khalayak ramai. Jika saudara-saudara di dalam musafir dan tidak dapat berpuasa, janganlah saudara makan di dalam kedai-kedai. Beli dan bawalah di suatu tempat yang tersembunyi sedikit supaya tidak terlihat orang untuk menjaga maruah agama.

Tunjukilah teman-teman kita dan bawalah seruan ini dengan baik kepada sahabat handai dan saudara-saudara kita semoga jadilah nasihat yang dilakukan dengan cara yang baik itu keinsafan kepada dirinya, lalu berdikit-dikit mengubah sikap dan kelakuannya yang merosakkan bukannya sahaja kepada dirinya tetapi juga kepada agamanya kerana orang tidak mengatakan si anu tetapi orang mengatakan bahawa orang Islam sendiri melanggar hukum-hukum Islam, maka bagaimanakah akan diharap Islam dapat berkembang dan dikembangkan kepada orang lain.

Inilah sahaja pesan kami – dan bertugaslah saudara-saudara kepada jalan Allah ini: Menyeru orang kepada berbuat kebaikan dan menegah daripada berbuat kejahatan – semoga Allah memberi petunjuk kepada kita bersama, diberinya kita taufik dan hidayah-Nya – amin.